

Amalan Guru dan Penguasaan Aspek Ilmu Linguistik dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu di Perak

Norismayati Aida Idris
aida_isma87@yahoo.com

Anida Sarudin
anida@fbk.upsi.edu.my

Mohd. Rashid Md. Idris
rashid@fbk.upsi.edu.my

Abstrak

Guru yang profesional ialah guru yang memiliki pengetahuan luas dalam pengajian akademik yang intensif dengan latihan yang formal. Ini bermaksud, profesion perguruan memerlukan pengetahuan yang tinggi dan kepakaran tertentu untuk mencapai keberkesanan, produktiviti, kecekapan dan mempunyai sikap bertanggungjawab. Menurut Sufean Hussein (1996), ahli profesional mempraktikkan pekerjaan mereka dengan darjah autonomi yang tinggi. Mereka tidak diselia dalam menjalankan tugas, sebaliknya bertanggungjawab menjalankan tugas, menyelia diri sendiri, dan dedikasi ke arah menyediakan perkhidmatan. Oleh itu, tinjauan terhadap amalan guru Bahasa Melayu perlu untuk meningkatkan kualiti pengajaran mereka ke arah melahirkan pelajar berintelek. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui sejauh mana amalan guru-guru Bahasa Melayu di beberapa buah sekolah di daerah Perak dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dan mengetahui sejauh manakah penguasaan ilmu linguistik yang merupakan ilmu yang penting dalam subjek Bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan di beberapa buah sekolah di Perak, iaitu di daerah Manjung, di daerah Batang Padang, dan di daerah Kuala Kangsar. Seramai 57 orang

guru Bahasa Melayu dipilih untuk menjawab soal selidik dan dua orang guru bagi setiap sekolah dipilih untuk ditemu bual dan dibuat pemerhatian terhadap pengajaran yang dijalankan. Data yang telah dikumpul dianalisis dengan menggunakan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai dengan bantuan program SPSS. Berdasarkan dapatan statistik bagi 12 pernyataan berkaitan amalan guru Bahasa Melayu dalam meningkatkan kualiti pengajaran, dilihat bahawa kesemua pernyataan tersebut menunjukkan dapatan yang positif. Keputusan menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu sentiasa memanfaatkan amalan pengajaran yang positif bagi memastikan kualiti pengajaran kepada pelajar. Namun demikian, rata-rata mereka tidak dapat menunjukkan penguasaan terhadap konsep-konsep asas linguistik yang diberikan melalui soal selidik. Dalam konteks ini, terbukti bahawa masih terdapat kelonggaran dalam amalan guru Bahasa Melayu dalam meningkatkan mutu pengajaran.

Kata kunci Profesionalisme, amalan pengajaran, linguistik

Abstract

Professional teachers are teachers who have extensive knowledge in an intensive academic study with formal training. This means that the teaching profession requires a high knowledge and specific expertise to achieve efficiency, productivity, efficiency, and have a responsible attitude. According to Sufean Hussein (1996), professionals practice their job with a high degree of autonomy. They are not supervised on the job, otherwise responsible for carrying out their duties, supervise themselves, and dedication towards providing services. Thus, the outlook for Malay Language teachers need practice to improve the quality of their teaching to inculcate intellectual students. The objective of this study is to determine the extent to which the practice of Malay Language teachers in several schools in the district of Perak in the course of teaching and learning of Malay Language and know the extent of linguistic mastery of knowledge is knowledge that is essential in Malay subjects. The study was conducted in several schools in Perak, which is in the district of Manjung, Batang Padang, and Kuala Kangsar. A total of 57 Malay Language teachers selected to answer the questionnaire and two teachers from each school selected to be interviewed and made observations of teaching activities. The data were analyzed by using frequency, percentage, mean and standard deviation with the help of SPSS. Based on the findings of the 12 statements related statistical practice Malay Language teachers in improving the

quality of teaching is seen that all these statements show positive results . The results show that the Malay Language teachers always positive leverage teaching practices to ensure quality teaching to students. However, on average they are not able to show mastery of the basic concepts of linguistic provided through questionnaires. In this context, it is evident that there is flexibility in practice Malay Language teachers in improving the quality of teaching.

Keywords *Professionalism , practice teaching , linguistics*

Pengenalan

Salah satu tanggungjawab sebagai seorang guru ialah memperbaiki mutu pengajarannya supaya lebih berkesan. Menurut Azizi Yahya, Jamaludin Ramli & Abdul Latif Ahmad (2007), seseorang guru perlu memikirkan kaedah pengajaran yang sesuai untuk membantu pelajar menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul dalam pembelajaran mereka. Selain memperbaiki kaedah pengajaran, guru Bahasa Melayu juga perlu melengkapkan diri dengan aspek-aspek persediaan lain dalam meningkatkan mutu pengajaran seperti memperkayakan diri dengan kemahiran atau strategi meningkatkan ilmu pengetahuan iaitu memperkasakan ilmu berkaitan bidang pengajaran. Berdasarkan hakikat tersebut, ternyata amalan pengajaran memainkan peranan penting bagi memastikan kualiti dalam pengajaran dan pencapaian prestasi yang cemerlang dalam kalangan pelajar-pelajar.

Dalam konteks amalan pengajaran yang menyentuh tentang kualiti ilmu yang ada dalam diri seorang guru Bahasa Melayu, penguasaan seseorang guru terhadap asas bidangnya, iaitu ilmu linguistik amat penting. Hal ini kerana ilmu ini merupakan satu bidang ilmu yang luas yang pada asasnya memusatkan kajian kepada segala aspek bahasa seperti fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan lain-lain. Ilmu linguistik bertujuan mengkaji bahasa dan mencipta teori-teori bagi menghuraikan segala fenomena bahasa yang dikaji itu. Walaupun pada dasarnya ilmu linguistik lebih memfokus kepada aspek teori dan struktur bahasa, tetapi bidang ini juga telah membuka langkahnya menerokai bidang-bidang lain seperti sosiologi, psikologi, dan neurologi. Disiplin linguistik yang mengkaji bahasa dari perspektif sosial dinamakan sosiolinguistik, sementara disiplin linguistik yang mengkaji bahasa dari perspektif psikologi dinamakan psikolinguistik, dan yang mengkaji bahasa dari sudut neurologi dinamakan pula neurolinguistik.

Bidang pengajaran bahasa pula merupakan satu bidang penerapan linguistik yang kompleks dan ‘multidisiplin’ sifatnya, bertujuan mengajar bahasa kepada pelajar-pelajar bagi membolehkan mereka menguasai bahasa tersebut dan boleh berkomunikasi dengan orang lain dengan menggunakan bahasa yang dipelajari tadi. Bagi mencapai tujuan ini, bidang pengajaran bahasa tidak dapat mengasingkan dirinya daripada disiplin-disiplin linguistik yang lain terutamanya disiplin linguistik teoritis, sosiolinguistik, dan psikolinguistik. Semua disiplin ini memberi sumbangan yang berguna bagi menjayakan sesuatu program pengajaran dan pembelajaran bahasa. Disiplin sosiolinguistik penting bagi pengajaran bahasa kerana disiplin ini memperlihatkan bagaimana sesuatu bahasa itu digunakan dalam masyarakat dan ini akan memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai penggunaan bahasa dalam konteks sosial dan budaya masyarakat penuturnya kepada pelajar. Sumbangan disiplin ini akan membolehkan pelajar berinteraksi dalam masyarakat dengan menggunakan bentuk dan laras bahasa yang betul dan sesuai pula dengan pelbagai situasi. Kepada guru pula, disiplin ini membantu dalam memilih bahan-bahan atau isi bagi pengajaran bahasa, sesuai dengan fungsi sosial yang didokong oleh sesuatu bahasa itu sebagai alat untuk berkomunikasi.

Menurut Abdullah Hassan (1980), memang selalu kita mendengar guru mengatakan mereka tidak memerlukan linguistik untuk mengajarkan subjek Bahasa Melayu. Hal ini boleh jadi benar. Ada ramai guru Bahasa Melayu, lebih-lebih lagi daripada generasi yang lalu, tidak pun mendengar istilah linguistik, tetapi telah dapat mengajarkan Bahasa Melayu dengan baik. Hari ini guru bahasa diberi pengetahuan linguistik dan dilengkapi pula dengan segala macam alat dan kemudahan tetapi masih menghasilkan pelajar yang kadang-kadang tidak pun boleh bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik dan sempurna. Ini menimbulkan persoalan, betulkah linguistik itu diperlukan oleh guru Bahasa Melayu? Ada satu perkara yang jelas, kita tidak harus berlagak seperti Pak Pandir dan menganggap linguistik baru sahaja ditemui. Linguistik ini satu ilmu yang sudah lama dipelajari. R.H. Robins (1967), telah menunjukkan beberapa kejayaan sarjana Yunani. Memanglah sarjana-sarjana Yunani ini memikirkan hal bahasa dan masalah-masalah yang timbul daripada penyelidikan bahasa. Hal ini memulakan apa yang kita kenali sebagai ilmu linguistik dalam pengertian yang luas. Kajian ini berterusan ke hari ini. Linguistik telah lama digunakan oleh guru bahasa. Bezanya hanyalah, mereka menggunakan linguistik tradisi yang penuh dengan

pernyataan preskriptif dan normatif, tetapi linguistik moden pula bersifat struktural dan deskriptif. Seseorang guru yang menggunakan sebuah buku tatabahasa lama untuk mengajarkan sebutan, tatabahasa, atau makna, sebenarnya menggunakan pengetahuan linguistik, iaitu linguistik tradisional. Ini juga linguistik dalam pengertian yang luas.

Pengetahuan tentang ilmu linguistik adalah perlu kepada guru-guru Bahasa Melayu di sekolah. Hal ini demikian kerana, aspek linguistik merupakan komponen asas untuk memahami Bahasa Melayu. Disiplin linguistik dapat memperkenalkan bidang-bidang linguistik yang begitu luas kepada umum. Linguistik meliputi keseluruhan aspek yang berkaitan dengan kajian bahasa, iaitu dari segi teori, aplikasi dan antara disiplin. Antara bidang-bidang linguistik ialah:

1. Fonetik: kajian bunyi-bunyi bahasa manusia.
 2. Fonologi atau fonemik: kajian pola-pola bunyi asas bagi sesuatu bahasa.
 3. Morfologi: kajian struktur dalaman bagi perkataan-perkataan.
 4. Sintaksis: kajian bagaimana perkataan-perkataan digabungkan untuk membentuk ayat-ayat yang bertatabahasa.
 5. Semantik: kajian makna perkataan-perkataan semantik leksikal dan bagaimana perkataan-perkataan digabungkan untuk membentuk ayat-ayat yang bermakna.
 6. Pragmatik: kajian bagaimana pengungkapan (baik secara literal, mahupun secara kiasan) digunakan dalam perbuatan-perbuatan komunikasi.
 7. Linguistik sejarah: kajian bahasa-bahasa yang hubungan sejarahnya telah diakui melalui persamaan dalam perbendaharaan kata, pembentukan kata, dan sintaksis.
 8. Stilistik linguistik: kajian gaya dalam bahasa-bahasa.
 9. Analisis wacana: kajian ayat-ayat yang disusun menjadi teks.
 10. Linguistik korpus: kajian bahasa menggunakan data sebenar.
 11. Leksikografi: kajian bahasa yang melibatkan proses penyusunan kamus.
 12. Sociolinguistik: kajian yang mengkaji hubungan bahasa dan masyarakat.
 13. Neurolinguistik: kajian bahasa yang mengkaji hubungan bahasa dan otak.
 14. Dialektologi: kajian bahasa berkaitan dialek.
- Bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu

yang berkualiti, guru Bahasa Melayu perlu sekurang-kurangnya menguasai bidang-bidang linguistik ini supaya dapat memberi nilai tambah terhadap pengetahuan pelajar. Kebanyakan guru masih lagi mengamalkan cara tradisional dalam pengajaran dengan tidak menitikberatkan aspek bernilai tambah dalam pengajaran. Laporan Penilaian Kurikulum Baru Sekolah Menengah yang dibuat oleh pensyarah-pensyarah maktab perguruan di Malaysia mendapati, sebilangan guru tetap dan kekal dengan cara pengajaran sehalu dan kekal dengan membahaskan pengajaran ke arah peperiksaan semata-mata. Hal ini berlaku kerana guru malas membuat persediaan dan perancangan sebelum kuliah berlangsung. Memang diakui juga ramai dalam kalangan guru tidak menerapkan kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah. Mereka tetap bersandarkan kepada buku teks dan buku-buku rujukan yang berlegar dalam aras pendidikan sekolah menengah sahaja, tidak kepada aras yang lebih tinggi menjangkau pengetahuan mereka.

Selain memiliki sijil kelayakan yang diiktiraf, guru juga perlu mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran tinggi yang diiktiraf bukan sahaja dalam aspek yang diajarnya. Kajian dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menyatakan bahawa antara sebab yang membawa kepada fenomena guru tidak berkualiti berlaku kerana ketidaksepadanan opsyen dengan kepakaran mereka. Kajian juga mendapati bahawa guru tidak suka membaca dan keadaan ini akan membuatkan guru tersebut terhad terhadap ilmu yang dikuasainya dan tidak berkembang. Guru perlu sedar bahawa ilmu tidak statik dan ilmu sentiasa mengalami fasa perubahan dan pembaharuan. Sekiranya guru itu menguasai ilmu pengetahuan dan menerapkannya dalam pengajaran dan pembelajaran, sudah pasti pelajar-pelajar dapat menguasai ilmu bahasa Melayu dengan baik. Jika fenomena ini berterusan, situasi ini akan mewujudkan impak yang positif dalam mutu pendidikan bahasa Melayu.

Sesungguhnya, peranan guru dapat dianggap sebagai angkuabah terpenting dalam usaha sesebuah negara mencapai kecemerlangan pendidikannya. Dapatan kajian-kajian terdahulu banyak membuktikan bahawa wujud korelasi positif yang tinggi antara pencapaian akademik pelajar dengan peranan guru di dalam kelas. Justeru, perhatian yang istimewa wajar diberikan kepada guru-guru kerana sumbangan dan pengaruhnya yang begitu besar terhadap pencapaian pelajar di dalam kelas, di samping kemampuan mereka membentuk rupa dan wajah

generasi masa hadapan sesebuah negara. Malah, usaha proaktif juga perlu dilakukan segera ke arah pencapaian taraf profesional dalam kalangan guru di negara ini (Mohd Yusof Abdullah *et al.*, 2008).

Permasalahan Kajian

Beberapa kajian terdahulu meneliti aspek sikap dan perspektif guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P). Pengkaji telah mengelompokkan beberapa kajian lepas dalam kelompok kajian intrinsik guru, kajian ekstrinsik guru dan kajian implikasi pelajar dalam pengajaran bahasa Melayu. Kajian intrinsik guru membincangkan mengenai faktor dalaman yang terdapat dalam diri seseorang guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Kajian ini merupakan indikator utama dalam melihat penguasaan guru dalam bidang linguistik. Kajian intrinsik ini menjelaskan hubungan sikap dan perspektif dengan penguasaan ilmu linguistik dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Kajian ekstrinsik guru memfokuskan kepada kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini juga menilai gaya pengajaran yang menjadi amalan guru-guru Bahasa Melayu serta penerapan kemahiran dalam pengajaran. Kajian implikasi pelajar meneliti penguasaan linguistik guru kepada pelajar. Kajian ini melihat kesan dari sudut positif hasil penguasaan linguistik guru terhadap prestasi pelajar dari segi pencapaian pelajar dalam peperiksaan dan penggunaan ilmu linguistik dalam kehidupan pelajar.

Kajian Intrinsik Guru

Kajian Ramli (1999), menyatakan bahawa guru yang jujur dan bertanggungjawab, perlulah menunaikan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. Tugas seorang guru ialah mengajar, mengasuh, mendidik anak bangsa supaya menjadi modal insan yang berilmu. Melalui pernyataan ini jelas menggambarkan tugas dan peranan seorang guru. Selain itu, guru Bahasa Melayu juga perlu memiliki beberapa sikap yang positif dalam menyampaikan ilmu. Hal ini demikian kerana, zaman semakin berubah dan perubahan ini memberi tempas kepada bidang pendidikan di negara kita. Kajian ini telah mengenal pasti permasalahan, sikap dan keyakinan guru Bahasa

Melayu terhadap pengajaran bahasa Melayu di sekolah rendah sekitar daerah Kuala Terengganu. Kajian ini telah menggunakan kaedah persampelan dan data dianalisis dalam bentuk statistik deskriptif dan korelasi Pearson. Hasil dapatan dalam kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara masalah dengan sikap, masalah dengan keyakinan, dan keyakinan dengan sikap.

Perbincangan dalam kajian ini menyatakan guru Bahasa Melayu perlu menghadapi arus perubahan ini dengan memenuhi ilmu di dada. Justeru itu, menurut Azizah Abdul Rahman (1987) dalam Ramli (1999:16) mencadangkan guru Bahasa Melayu perlu banyak membaca, bergaul dengan masyarakat, mengadakan lawatan dan aktiviti luar. Dengan melakukan perkara tersebut diharapkan para guru lebih matang khususnya terhadap pengajaran bahasa Melayu itu sendiri. Hakikatnya, dalam menghadapi arus perubahan ini guru wajar bersikap terbuka dan sedia menghadapi gelombang perubahan ini dengan memperkayakan ilmu di dada. Dengan memiliki ilmu yang mantap, secara tidak langsung dapat meningkatkan tahap keyakinan guru ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Namun kajian ini hanya memfokuskan aspek psikologi dan kaitannya dengan pengajaran bahasa Melayu. Keterbatasan kajian tersebut diperdalam lagi melihat hubungkaitan antara aspek kesediaan guru dalam menguruskan aspek pengajaran yang dapat mengukur kualiti pengajaran guru itu sendiri.

Selain itu, kajian Tay (2003), melihat sikap dan permasalahan guru Bahasa Melayu dalam pengajaran. Kajian ini telah menggunakan soal selidik sebagai instrumen dalam penyelidikan. Hasil penyelidikan ini mendapati guru-guru Bahasa Melayu menunjukkan sikap yang positif kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah. Hal ini demikian kerana, guru-guru Bahasa Melayu sangat berkeyakinan dalam mengajar mata pelajaran ini. Mereka juga menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Sebelum mengajar, mereka telah bersedia dengan membuat banyak rujukan yang berkaitan dengan tatabahasa. Segala kekurangan akan dianalisis untuk memastikan pencapaian para pelajar sentiasa baik.

Berdasarkan kajian ini, jelaslah bahawa sikap yang dipamerkan oleh guru Bahasa Melayu menjadi penanda aras dalam penguasaan guru tersebut dalam ilmu linguistik. Penyataan ini bukanlah sekadar omongan kosong tetapi ia terbukti apabila seseorang guru benar-benar menguasai isi pelajaran akan lebih berkeyakinan semasa

menyampaikan ilmu. Kajian ini telah membuktikan bahawa terdapat hubungan yang baik antara sikap dengan penguasaan ilmu. Sikap yang positif ini telah menggalakkan guru-guru Bahasa Melayu dalam memperkayakan ilmu penguasaan linguistik mereka. Hal ini demikian kerana, dapatan kajian ini mendapati guru-guru sangat berminat untuk mengikuti kursus dalam memantapkan penguasaan ilmu linguistik mereka. Namun kajian ini tidak mengukur sejauh mana penguasaan ilmu bahasa Melayu itu tetapi sekadar mengetahui aspek profesionalisme guru semata-mata.

Seterusnya, kajian mengenai perspektif guru dalam bahasa Melayu banyak dibincangkan dalam beberapa kajian. Antaranya kajian Seman Salleh (2005), bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Kajian ini telah menggunakan soal selidik, temu bual dan pemerhatian sebagai instrumen dalam penyelidikan ini. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan guru-guru berasa seronok mengajar mata pelajaran ini kerana mata pelajaran ini sangat mudah. Malahan, pihak pentadbiran juga memiliki tanggapan yang sama. Oleh sebab itu, guru-guru yang bukan opsyen dalam bidang ini juga boleh mengajar Bahasa Melayu. Namun begitu, beberapa kelemahan dikenal pasti sekiranya guru-guru yang berlainan opsyen mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Perkara yang nampak ketara akibat daripada masalah ini ialah para pelajar tidak dapat meningkatkan penguasaan mereka dalam berbahasa. Hal ini disebabkan, guru-guru yang berlainan opsyen ini kurang menguasai isi pengajaran menyebabkan proses penyampaian ilmu tidak lancar. Hasil kajian ini membuktikan guru yang mempunyai kelayakan dalam bidang ini lebih berkeyakinan daripada guru yang bukan dalam bidang bahasa ini. Tambahan lagi, dalam membicarakan mengenai tahap keyakinan ini, pengkaji membuat andaian bahawa guru tersebut lebih yakin kerana mereka lebih berpengalaman dan bersedia sebelum pengajaran. Jelas, ini menunjukkan bahawa walaupun perspektif mereka mengenai bahasa Melayu ini mudah, tetapi tanpa penguasaan ilmu linguistik yang mantap tidak mungkin mereka mampu menyampaikan isi pelajaran dengan baik dan berkesan. Namun, kajian ini terbatas kepada kredibiliti guru Bahasa Melayu dalam aspek pengajaran dan pembelajaran berdasarkan bidang pengkhususan, tetapi tidak mengukur kandungan ilmu bahasa Melayu itu sendiri.

Pengajaran dalam bahasa Melayu meliputi kemahiran-kemahiran yang asas seperti kemahiran membaca, bertutur, mendengar dan

menulis. Kemahiran menulis merupakan satu proses yang sangat sukar. Oleh itu, peranan guru Bahasa Melayu sangat penting dalam melahirkan bakal penulis yang hebat pada masa yang akan datang. Namun begitu, kemahiran ini dipandang remeh oleh segelintir masyarakat. Kepentingan kemahiran menulis menurut pendapat Za'ba (1969) dalam Jeyagobi a/l Dhamodarem (2008), menerangkan tujuan utama belajar mengarang ialah dapat melahirkan idea daripada pendapat sendiri dengan terang dan teratur untuk dibaca oleh orang lain serta memberi kesan kepada pembacanya.

Satu kajian telah dilakukan oleh Jeyagobi (2008) untuk membincangkan masalah kemahiran menulis dalam kalangan pelajar. Salah satu objektif kajian ini adalah untuk mengukur sejauh mana perspektif guru Bahasa Melayu terhadap kemahiran menulis. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik, temu bual dan rujukan ke perpustakaan sebagai kaedah penyelidikan. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa kelayakan dan ikhtisas merupakan kunci utama untuk memantapkan tugas mereka sebagai seorang guru Bahasa Melayu. Perbincangan kajian mendapati bahawa guru-guru yang tidak berkelulusan dalam bidang Bahasa Melayu mempunyai masalah dalam mengajar kemahiran menulis disebabkan mereka dianggap kurang mempunyai kepakaran dalam mengajar subjek Bahasa Melayu terutamanya kemahiran-kemahiran yang terdapat dalam Bahasa Melayu. Kajian ini juga bersifat mengukur kredibiliti guru berdasarkan bidang pengkhususan.

Kajian Ekstrinsik Guru

Kajian ekstrinsik guru memfokuskan kepada kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran bahasa Melayu. Proses pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja melibatkan proses kognitif semata-mata namun, proses ini melibatkan proses afektif dan psikomotor. Tugas sebagai seorang guru khususnya guru Bahasa Melayu, memerlukan segala upaya untuk memastikan hasil pembelajaran mencapai objektif. Oleh itu, pelbagai cara dan kaedah boleh digunakan oleh guru bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara berkesan. Antaranya kajian yang dilakukan oleh A. Rahman Haron, Zambri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Sharifah Nor Puteh & Jamaludin Badusah (2012), menggunakan teknik SALAK, untuk mengenal pasti

keberkesanan Teknik SALAK dengan menggunakan kaedah didik hibur. Metodologi kajian ini menggunakan kajian tinjauan, analisis kandungan dokumen dan kaedah kuantitatif dalam pemprosesan data.

SALAK merupakan akronim daripada perkataan (S) untuk 'Siapa', (A) untuk 'Aktiviti', (L) untuk 'Lokasi', (A) untuk 'Alatan' dan (K) untuk 'Keterangan'. Melalui teknik ini pelajar darjah satu dapat membina 8 jenis ayat yang berbeza. Ayat yang dibina menggunakan teknik ini berlainan dan berbeza antara satu sama lain. Malahan kaedah pengajaran ini telah mengaplikasikan pendekatan didik hibur. Pendekatan didik hibur yang diterapkan dalam kajian ini ialah guru menyoal pelajar untuk membina kosa kata melalui nyanyian. Melalui kaedah ini pelajar akan berasa seronok apabila dapat bermain-main semasa belajar. Hal ini sekali gus dapat memotivasikan dan menyuntik semangat pelajar untuk terus belajar. Dapatan kajian mendapati bahawa guru Bahasa Melayu dapat menerapkan elemen-elemen tatabahasa dalam pengajaran seperti penggunaan kata sendi, kata hubung, imbuhan dan sebagainya. Elemen ini sangat perlu bagi membimbing pelajar dalam menghasilkan struktur ayat yang baik. Malahan, kajian ini membuktikan bahawa penguasaan guru terhadap ilmu bahasa yang mendalam akan mendorong seseorang guru untuk menyampaikan isi pelajaran dengan lebih kreatif dan menarik. Namun kajian ini terbatas kepada pengalikasian strategi dalam mengukur kualiti pengajaran guru, tidak melibatkan pengujian ilmu untuk melihat ketinggian profesionalisme guru Bahasa Melayu.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Yusfaiza Yusuff & Mohd Isha Awang (2012). Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti keberkesanan Jigsaw II terhadap pengajaran penulisan karangan. Metodologi penyelidikan ini melibatkan soal selidik dan dua siri ujian penulisan karangan. Hasil dapatan kajian mendapati kaedah ini dapat membantu pelajar dalam menguasai kemahiran penulisan karangan. Malahan pembelajaran *Jigsaw II* juga menunjukkan kemahiran kognitif dan kemahiran interpersonal pelajar dapat ditingkatkan. Hal ini disebabkan oleh, kaedah yang digunakan ini melibatkan pelajar secara aktif. Oleh sebab itu, pelajar berasa seronok dan dihargai oleh guru-guru mereka. Kaedah ini juga bukan sahaja boleh diaplikasi dalam kemahiran penulisan sahaja malahan kaedah ini sesuai dengan pengajaran isi pelajaran yang lain. Semuanya bergantung pada komitmen dan kreativiti guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Selain daripada kaedah pengajaran guru, gaya pengajaran juga amat penting dalam mengawal tingkah laku pelajar di

dalam bilik darjah. Jadi, sebelum memulakan pengajaran guru bahasa perlu memilih gaya yang bersesuaian. Hal ini demikian kerana, gaya bahasa yang kurang bersesuaian akan menyebabkan pelajar menjadi negatif. Namun begitu, pemilihan gaya pengajaran yang betul sesuai dengan kehendak pelajar, dapat meningkatkan motivasi pelajar. Semuanya bergantung pada kebijaksanaan guru dalam menilai para pelajarnya. Kajian ini juga terbatas kepada pengaplikasian strategi pengajaran dalam meningkatkan profesionalisme guru Bahasa Melayu.

Perbincangan mengenai gaya pengajaran ini telah dilakukan oleh Zamri Mahamod, Nik Mohamed Rohimi Nik Yusoff & Juliawati Ibrahim (2009), bagi melihat perbandingan gaya pengajaran antara guru Bahasa Melayu dan guru Bahasa Inggeris. Item soal selidik digunakan dalam penyelidikan ini. Kajian ini telah mengemukakan 5 jenis gaya pengajaran, iaitu gaya pakar, autoriti formal, model personal, fasilitator dan delegator. Gaya pengajaran ini diambil daripada Model Gaya Pengajaran Grasha, (1996). Hasil dapatan menunjukkan gaya pengajaran yang sering digunakan oleh guru Bahasa Melayu ialah gaya model personal seterusnya gaya autoriti formal, gaya pakar dan delegator serta gaya yang paling kurang digunakan oleh guru Bahasa Melayu ialah gaya fasilitator. Melalui kajian ini, jelas membuktikan bahawa gaya pengajaran yang sesuai mempengaruhi pencapaian pelajar. Hal ini telah dinyatakan oleh Abdul Syukur (1999) dalam Zamri Mahamod *et al.* (2009:68) bahawa proses pengajaran bahasa yang menarik boleh menyebabkan murid berminat untuk belajar dan mengamalkan Bahasa Melayu dalam kehidupan seharian. Kajian tersebut berjaya mengetengahkan beberapa strategi pengajaran guru dalam meningkatkan profesionalisme, namun keterbatasan kajian ini menjadi pendorong untuk penyelidik melakukan kajian ini bagi melihat dengan lebih mendalam amalan pengajaran dari aspek penguasaan ilmu Bahasa Melayu dalam kalangan guru-guru Bahasa Melayu.

Kajian Implikasi Pelajar

Kajian ini akan melihat hasil penguasaan linguistik guru terhadap prestasi pelajar dari segi pencapaian pelajar dalam peperiksaan dan penggunaan ilmu linguistik dalam kehidupan pelajar. Bertitik tolak daripada persoalan ini satu kajian telah dilakukan oleh Zuraini Jusoh, Fadzilah Abd. Rahman, Norazlina Mohd. Kiram & Samsiah

Roslan (2013). Penyelidikan ini dilaksanakan untuk mengenal pasti bilangan calon yang berprestasi rendah dalam Penilaian Menengah Rendah. Penyelidikan ini menggunakan kaedah perpustakaan untuk menganalisis dokumen yang diperolehi daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia. Perbincangan dalam kajian ini menyatakan pelajar yang berprestasi rendah mempunyai risiko yang besar tercicir dalam pelajaran. Kesan keciciran ini akan menyebabkan negara mengalami kerugian dalam sumber tenaga manusia. Menurut Zulkifley (2005) dalam Zuraini Jusoh *et al.* (2013:2) mendapati pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu masih tidak memuaskan. Kajian ini hanya memfokuskan data statistik sebagai dapatan kajian semata-mata dan tidak terdapat penghujahan sebab berlakunya pencapaian rendah dalam kalangan pelajar. Hal ini demikian kerana, kajian yang dilakukan ini cuma untuk menganalisis bilangan pelajar yang lemah dalam penguasaan mata pelajaran Bahasa Melayu dengan mengaitkannya dengan penguasaan mata pelajaran yang lain. Atas dasar ini kajian selanjutnya perlu dilakukan dengan melibatkan metodologi yang efisien untuk mengukur kualiti ilmu guru Bahasa Melayu.

Selain itu, penguasaan ilmu linguistik menjadikan pengajaran lebih efektif dan seterusnya memberikan impak yang besar kepada para pelajar. Pernyataan ini turut di bincangkan dalam kajian Zulkeflee (2011). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti, memperjelas dan membincangkan teori dan pendekatan tatabahasa. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan ikut serta. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah perpustakaan untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Hasil perbincangan kajian menyatakan bahawa guru yang memiliki pengetahuan dalam bidang linguistik dan menggunakan pendekatan tatabahasa, menyebabkan guru itu bertambah yakin dalam proses pengajaran. Selain itu, dengan kefasihan guru dalam ilmu ini menjadikan pengajaran lebih bervariasi dan menarik minat pelajar.

Seterusnya, kajian Zulkeflee (2011) menyatakan bahawa guru perlu mendalami ilmu linguistik ini supaya pengajaran lebih berkualiti dan pelajar tidak bosan dengan pengajaran guru. Apabila pelajar berasa seronok mempelajari Bahasa Melayu, jadi mereka dapat mendalami ilmu bahasa ini dengan bersungguh-sungguh. Jadi, mereka tiada masalah dalam menjawab soalan semasa peperiksaan. Justeru itu, berdasarkan kajian ini jelaslah bahawa kefasihan seseorang guru dalam ilmu bahasa ini akan menghasilkan pelajar yang berprestasi

tinggi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Penyelidik menyifatkan kajian ini hanya merupakan kajian strategi yang melihat kepentingan pendekatan tatabahasa dalam pengajaran Bahasa Melayu terhadap peningkatan prestasi pelajar Bahasa Melayu.

Ilmu yang disampaikan oleh seseorang guru tidak terhad digunakan untuk tujuan peperiksaan semata-mata malahan ilmu yang ada dapat diaplikasikan dalam kehidupan pelajar. Penguasaan pelajar dalam ilmu bahasa ini membolehkan mereka memanipulasi ilmu ini dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh dalam kemahiran mengarang. Menurut Siti Zabidah (2006), kecekapan pelajar dalam berbahasa akan melahirkan modal insan yang pandai berbicara, berpidato, menilai dan mengulas sesuatu perbincangan secara kritis. Penggabungjalinan antara kemahiran berfikir dan kemahiran mengarang dapat menghasilkan pelajar yang mempunyai kecerdasan linguistik. Kajian Siti Zabidah ini menyokong teori kecerdasan pelbagai yang telah diperkenalkan oleh Gardner.

Menurut teori ini manusia menggunakan berbagai-bagai cara untuk manusia menyelesaikan masalah dan menghasilkan sesuatu ciptaan. Teori ini telah memperkenalkan 8 kecerdasan pelbagai. Antaranya ialah kecerdasan logik-matematik, kecerdasan bahasa dan linguistik, kecerdasan muzik, kecerdasan visual atau ruang dan spatial, kecerdasan kinestetik – badan, kecerdasan interpersonal, kecerdasan intrapersonal dan kecerdasan naturalist. Jadi, pelajar yang mempunyai kecerdasan bahasa atau linguistik mempunyai kebolehan berpuisi, bercerita dan mudah mempelajari bahasa sendiri ataupun bahasa lain. Pelajar yang mempunyai kecerdasan ini selalunya suka bercerita, suka menulis, mempunyai daya ingatan yang kuat dan sebagainya. Bakat dan potensi inilah merupakan aset yang sangat berharga bagi melahirkan modal insan yang bukan sahaja cemerlang dalam peperiksaan tetapi bijak memanfaatkan ilmu yang diperolehi dalam kehidupan mereka seharian. Konklusinya, peranan guru sebagai arkitek pembangunan manusia berupaya melahirkan ramai penulis terkemuka suatu hari nanti hasil daripada keterampilan dalam bidang linguistik ini. Kajian ini dapat dijadikan sumber sokongan bahawa penguasaan aspek linguistik penting dalam usaha meningkatkan kualiti ilmu dan memangkin kecerdasan pelajar.

Metodologi Kajian

Kajian ini melibatkan dua jenis data, iaitu data primer dan data sekunder. Data primer diperolehi daripada borang soal selidik, temu

bual dan proses rakaman pengajaran dan pembelajaran (P&P). Data sekunder pula dapat diperolehi daripada pelbagai sumber seperti buku, jurnal pendidikan, kertas kerja dan sebagainya.

Penyelidikan ini menggunakan set soal selidik yang merangkumi butir-butir peribadi, inventori persediaan dan pelaksanaan (P&P). Dalam penyelidikan ini dua orang guru dari setiap daerah telah dipilih bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai penguasaan linguistik dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Sesi temu bual dijalankan sebelum merekod sesi P&P dijalankan. Kaedah pemerhatian juga digunakan dalam penyelidikan ini untuk melihat penguasaan ilmu linguistik guru Bahasa Melayu semasa proses P&P. Kaedah pemerhatian ini menggunakan kaedah rakaman untuk dijadikan bahan bukti mengenai pengajaran responden tersebut. Semasa kaedah pemerhatian dijalankan, pengajaran guru yang dipilih akan dirakam supaya setiap perkara dapat dijadikan maklumat untuk penyelidikan ini. Semasa memerhatikan pengajaran responden, sesi catatan dilakukan untuk membuat andaian pemboleh ubah-pemboleh ubah yang terlibat dalam penyelidikan ini.

Responden kajian terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di lapan buah sekolah di tiga buah daerah di Perak, iaitu daerah Manjung, Batang Padang, dan Kuala Kangsar. Sekolah-sekolah yang terlibat ialah S.M.K Tok Perdana, S.M.K Seri Manjung, S.M.J.K Dinding, S.M.K. A.C.S Manjung, S.M.K. Raja Perempuan Kelsom, S.M.K Bukit Merchu, S.M.K Temenggong dan S.M.K Raja Muda Musa, S.M.J.K Khatolik, S.M.K Methodist dan S.M.K Khir Johari. Batasan kajian hanya melibatkan 57 orang responden yang terdiri daripada 22 orang responden lelaki dan 35 orang responden perempuan daripada sebelas buah sekolah. Hal ini secara tidak langsung telah memaparkan peratusan yang berbeza bagi kedua-dua jenis jantina tersebut, iaitu 38.6% bagi responden lelaki dan 61.4% bagi responden perempuan. Namun begitu, perbezaan yang terdapat dalam bilangan atau kekerapan kedua-dua jenis jantina ini tidak mempengaruhi hasil kajian kerana perkara yang dinilai adalah berdasarkan tahap pengetahuan mereka. Oleh sebab penyelidikan ini berkaitan dengan guru Bahasa Melayu, jadi populasi yang terlibat dalam penyelidikan ini ialah semua guru Bahasa Melayu. Namun begitu, bagi melancarkan penyelidikan ini hanya beberapa orang sahaja guru Bahasa Melayu yang dipilih untuk penyelidikan ini. Seramai 57 orang guru Bahasa Melayu dipilih untuk menjawab soal selidik dan dua orang guru bagi setiap sekolah telah dipilih untuk ditemubual dan dibuat pemerhatian terhadap pengajaran yang dijalankan oleh responden.

Data dan maklumat yang diperoleh dianalisis dalam bentuk data kuantitatif dan data kualitatif. Data kuantitatif diperlukan dalam membuktikan kesahihan data yang diperoleh. Bagi menganalisis data yang bersifat kuantitatif ini memerlukan statistik. Statistik berperanan dalam menganalisis data dan menguji hipotesis. Justeru itu, SPSS (*Statistical package For Sosial Science*) digunakan sebagai alat dalam menganalisis statistik. Bagi memudahkan proses menganalisis data perisian SPSS digunakan bagi mendapatkan data yang tepat dan cepat. Data kuantitatif yang diperoleh hasil daripada soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS dapat dipaparkan dalam bentuk jadual. Keupayaan SPSS dalam pemaparan data bagi hasil dapatan penyelidikan dapat memudahkan penyampaian maklumat dan juga difahami pembaca. Data-data daripada item soal selidik dianalisis dalam bentuk analisis statistik deskriptif seperti min dan sisihan piawai.

Data kualitatif dalam penyelidikan ini diperoleh daripada temu bual dan rakaman aktiviti P&P yang dipindahkan dalam bentuk verbatim untuk menganalisis tahap penguasaan responden terhadap ilmu linguistik. Data-data yang diperoleh ini akan digunakan sebagai sokongan bagi menguatkan fakta dalam penyelidikan ini di samping sebagai bukti bagi menyokong data kualitatif yang dianalisis.

Amalan Guru Dalam Pengajaran Bahasa Melayu

Selanjutnya analisis akan menjelaskan sejauh mana amalan guru Bahasa Melayu di sekolah-sekolah tersebut dalam kesediaan mereka dalam aspek pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 1 Skala Pengajaran Guru

| No. | Pernyataan | Taburan Peratusan (%) | | | | Statistik Deskriptif | | |
|-----|---|-----------------------|-----|------|------|----------------------|--------|-----------|
| | | TP | TS | S | SS | MIN | SP | RESPONDEN |
| 1 | Kekerapan Mengajar Bahasa Melayu Berpandukan Sukatan Mata Pelajaran Bahasa Melayu | 0 | 1.8 | 49.1 | 49.1 | 2.4737 | 0.5380 | 57 |

samb. **Jadual 1**

| | | | | | | | | |
|---|---|------|-----|------|------|--------|--------|----|
| 2 | Kekerapan Menggunakan Buku Teks dan Rujukan Lain yang Terbatas Mengikut Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu | 7.0 | 3.5 | 64.9 | 24.6 | 3.1053 | 0.6731 | 57 |
| 3 | Kekerapan Mengajar Ilmu Bahasa Melayu dengan baik di dalam Kelas | 8.8 | 0 | 68.4 | 22.8 | 2.1404 | 0.5490 | 57 |
| 4 | Kekerapan responden yang menggunakan alat bantu mengajar (ABM) dalam kelas Bahasa Melayu | 10.5 | 1.8 | 80.7 | 7.0 | 2.9298 | 0.4950 | 57 |
| 5 | Kekerapan responden yang mengajar Bahasa Melayu berpandukan taksonomi | 21.1 | 3.5 | 61.4 | 14.0 | 2.8596 | 0.6930 | 57 |
| 6 | Kekerapan responden yang yakin dengan kemampuan pengetahuannya dalam mengajar Bahasa Melayu | 7.0 | 1.8 | 57.9 | 33.3 | 3.2281 | 0.6551 | 57 |
| 7 | Kekerapan responden yang menambah pengetahuannya berkaitan bahasa Melayu dengan banyak merujuk buku-buku di luar sukatan mata pelajaran Bahasa Melayu | 3.5 | 1.8 | 64.9 | 29.8 | 3.2281 | 0.5981 | 57 |

samb. **Jadual 1**

| | | | | | | | | |
|----|--|------|-----|------|------|--------|--------|----|
| 8 | Kekerapan responden yang mendalami ilmu bahasa Melayu dengan banyak menghadiri bengkel, kursus, dan seminar yang berkaitan | 24.6 | 7.0 | 50.9 | 17.5 | 2.7895 | 0.8180 | 57 |
| 9 | Kekerapan responden yang mempraktikkan pengetahuan yang didapati daripada bengkel, kursus dan seminar yang pernah diikuti | 8.8 | 5.3 | 63.2 | 22.8 | 3.0351 | 0.7311 | 57 |
| 10 | Kekerapan responden yang banyak membeli atau meminjam buku-buku berkaitan bahasa Melayu untuk meningkatkan penguasaan ilmu bahasa Melayu | 12.3 | 3.5 | 63.2 | 21.1 | 3.0175 | 0.6941 | 57 |
| 11 | Kekerapan responden yang mereka sering berbincang dengan rakan sealaran berkaitan ilmu bahasa Melayu | 10.5 | 1.8 | 59.6 | 28.1 | 3.1404 | 0.6665 | 57 |
| 12 | Kekerapan responden yang sentiasa peka dengan perkembangan ilmu Bahasa Melayu | 14.0 | 0 | 70.2 | 15.8 | 2.0175 | 0.5510 | 57 |

Nota: TP= Tidak Pasti, TS= Tidak Setuju, S= Setuju, SS= Sangat Setuju; SP= Sisihan Piawai

Data yang diperoleh menunjukkan terdapat persamaan jumlah responden yang setuju dan sangat setuju dengan pernyataan 1, iaitu

sebanyak 28 orang responden yang bersamaan dengan 49.1%. Rata-rata responden menggunakan sukatan mata pelajaran bahasa Melayu semasa mengajar bahasa Melayu di sekolah. Selain itu, hanya seorang responden yang tidak setuju dengan pernyataan 1, iaitu bersamaan dengan 1.8% dan tiada responden yang tidak pasti dan sangat tidak setuju.

Bagi pernyataan 2, data yang diperoleh menunjukkan 37 orang responden yang mewakili 64.9% daripada jumlah responden bersetuju bahawa mereka menggunakan buku teks dan rujukan lain yang terbatas mengikut sukatan mata pelajaran Bahasa Melayu. Manakala sebanyak 14 orang responden yang bersamaan dengan 24.6% responden yang sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Selain itu, terdapat sebanyak 4 orang responden yang bersamaan dengan 7.0% yang tidak pasti dengan pernyataan ini manakala 2 orang responden, iaitu bersamaan dengan 3.5% responden yang tidak bersetuju.

Seramai 39 orang responden yang mewakili 68.4% daripada jumlah responden bersetuju dengan pernyataan 3, iaitu kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka mengajar ilmu bahasa Melayu dengan baik dalam kelas. Seterusnya, sebanyak 13 orang responden yang bersamaan dengan 22.8% responden yang sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Selain itu, terdapat sebanyak 5 orang responden yang bersamaan dengan 8.8% yang tidak pasti dengan pernyataan 3, manakala tiada responden yang sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Seterusnya, data yang diperoleh menunjukkan 46 orang responden yang mewakili 80.7% daripada jumlah responden bersetuju dengan pernyataan 4, iaitu kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka menggunakan alat bantu mengajar (ABM) dalam kelas Bahasa Melayu, Manakala sebanyak 6 orang responden yang bersamaan dengan 10.5% responden yang tidak pasti dengan pernyataan ini. Selain itu, terdapat sebanyak 4 orang responden yang bersamaan dengan 7.0% yang sangat setuju dengan pernyataan ini manakala seorang responden, iaitu bersamaan dengan 1.8% responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan 4 dan tiada responden yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Berdasarkan pernyataan 5, data yang diperoleh menunjukkan 35 orang responden yang mewakili 61.4% daripada jumlah responden bersetuju dengan pernyataan ini. Kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka mengajar Bahasa Melayu berpandukan taksonomi. Manakala sebanyak 12 orang responden yang bersamaan dengan 21.1% responden yang tidak pasti dengan pernyataan ini. Selain itu, terdapat sebanyak 8 orang responden yang bersamaan dengan 14.0% yang sangat setuju dengan pernyataan ini manakala 2 orang responden,

iaitu bersamaan dengan 3.5% responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan 5 dan tiada responden yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Selain itu, seramai 33 orang responden yang mewakili 57.9% daripada jumlah responden bersetuju dengan pernyataan 6, iaitu kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka yakin dengan kemampuan pengetahuannya dalam mengajar Bahasa Melayu. Manakala sebanyak 19 orang responden yang bersamaan dengan 33.3% responden yang sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Selain itu, terdapat sebanyak 4 orang responden yang bersamaan dengan 7.0% yang tidak pasti dengan pernyataan ini manakala seorang responden, iaitu bersamaan dengan 1.8% responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan 6 dan tiada responden yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Seterusnya, data yang diperoleh menunjukkan 37 orang responden yang mewakili 64.9% daripada jumlah responden bersetuju dengan pernyataan 7, iaitu kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka menambah pengetahuan berkaitan bahasa Melayu dengan banyak merujuk buku-buku di luar sukatan mata pelajaran Bahasa Melayu. Manakala sebanyak 17 orang responden yang bersamaan dengan 29.8% responden yang sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Selain itu, terdapat sebanyak 2 orang responden yang bersamaan dengan 3.5% yang tidak pasti dengan pernyataan ini manakala seorang responden, iaitu bersamaan dengan 1.8% responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan 7 dan tiada responden yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Di samping itu, seramai 29 orang responden yang mewakili 50.9% daripada jumlah responden bersetuju dengan pernyataan 8, iaitu kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka mendalami ilmu bahasa Melayu dengan banyak menghadiri bengkel, kursus, dan seminar yang berkaitan. Manakala sebanyak 14 orang responden yang bersamaan dengan 24.6% responden yang tidak pasti dengan pernyataan ini. Selain itu, terdapat sebanyak 10 orang responden yang bersamaan dengan 17.5% yang sangat setuju dengan pernyataan ini manakala 4 orang responden, iaitu bersamaan dengan 7.0% responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan 8 dan tiada responden yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Berdasarkan pernyataan 9, data yang diperoleh menunjukkan 36 orang responden yang mewakili 63.2% daripada jumlah responden bersetuju dengan pernyataan ini, iaitu kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka mempraktikkan pengetahuan yang didapati daripada bengkel, kursus dan seminar yang pernah diikuti. Manakala sebanyak

13 orang responden yang bersamaan dengan 22.8% responden yang sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Selain itu, terdapat sebanyak 5 orang responden yang bersamaan dengan 8.8% yang tidak pasti dengan pernyataan ini manakala 3 orang responden, iaitu bersamaan dengan 5.3% responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan 9 dan tiada responden yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Seterusnya, seramai 36 orang responden yang mewakili 63.2% daripada jumlah responden bersetuju dengan pernyataan 10, iaitu kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka banyak membeli atau meminjam buku-buku berkaitan bahasa Melayu untuk meningkatkan penguasaan ilmu bahasa Melayu. Manakala sebanyak 12 orang responden yang bersamaan dengan 21.1% responden yang sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Selain itu, terdapat sebanyak 7 orang responden yang bersamaan dengan 12.3% yang tidak pasti dengan pernyataan ini manakala 2 orang responden, iaitu bersamaan dengan 3.5% responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan 10 dan tiada responden yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Data yang diperoleh menunjukkan 34 orang responden yang mewakili 59.6% daripada jumlah responden bersetuju dengan pernyataan 11, iaitu kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka sering berbincang dengan rakan sehaluan berkaitan ilmu bahasa Melayu. Manakala sebanyak 16 orang responden yang bersamaan dengan 28.1% responden yang sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Selain itu, terdapat sebanyak 6 orang responden yang bersamaan dengan 10.5% yang tidak pasti dengan pernyataan ini manakala seorang responden, iaitu bersamaan dengan 1.8% responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan 11 dan tiada responden yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Akhir sekali, bagi pernyataan 12 data yang diperoleh menunjukkan 40 orang responden yang mewakili 70.2% daripada jumlah responden bersetuju dengan pernyataan ini, iaitu kebanyakan responden bersetuju bahawa mereka sentiasa peka dengan perkembangan ilmu bahasa Melayu. Manakala sebanyak 9 orang responden yang bersamaan dengan 15.8% responden yang sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Selain itu, terdapat sebanyak 8 orang responden yang bersamaan dengan 14.0% yang tidak pasti dengan pernyataan ini manakala tiada responden yang tidak setuju dan sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Berdasarkan dapatan statistik ini bagi 12 pernyataan berkaitan amalan guru Bahasa Melayu dalam meningkatkan kualiti pengajaran, dilihat bahawa kesemua pernyataan tersebut menunjukkan dapatan yang positif. Keputusan ini jelas menunjukkan bahawa guru-guru

Bahasa Melayu sentiasa memanfaatkan amalan pengajaran yang positif bagi memastikan kualiti pengajaran kepada pelajar. Amalan pengajaran guru yang berkesan yang difokuskan dalam kajian ini ialah bermakna guru tersebut berupaya menerapkan ilmu yang terkandung dalam sukatan pelajaran, membuat rujukan, menyediakan alat bantu mengajar (ABM) dan mendalami isi kandungan yang hendak diajar dan motivasi guru terhadap pengajarannya. Selain itu, guru juga perlu mengetahui anjakan paradigma yang perlu dilakukan bagi meningkatkan mutu pengajaran, misalnya menghadiri kursus, bengkel dan seminar. Mengikut Caroll (1963), pengajaran yang berkesan dipengaruhi oleh lima faktor, iaitu sikap (*attitude*), kebolehan untuk memahami pengajaran (*ability to understand*), ketekunan (*perseverance*), peluang (*opportunity*) dan pengajaran yang berkualiti (*Quality of instruction*), manakala menurut Slavin (1994) terdapat empat faktor yang mempengaruhi pengajaran yang berkesan, iaitu kualiti pengajaran (*quality of instruction*), kesesuaian aras pengajaran (*appropriate level of instruction*), insentif (*incentive*) dan masa (*time*). Berdasarkan kedua-dua pendapat ini jelas membuktikan antara amalan guru yang berkesan dalam meningkatkan mutu pengajaran ialah persediaan guru dan penguasaan ilmu pengajaran. Bagi melihat hubungkait amalan guru dengan penguasaan guru terhadap ilmu linguistik, penyelidik mendedahkan dapatan kajian berkaitan hal tersebut dalam huraian selanjutnya.

Konflik Amalan Pengajaran dengan Penguasaan Ilmu Linguistik

Berdasarkan soal selidik berkaitan amalan pengajaran guru Bahasa Melayu seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, didapati kebanyakan guru Bahasa Melayu menunjukkan komitmen yang positif terhadap pengajaran mereka. Hal ini termasuklah menghadiri kursus, bengkel mahupun seminar dan membaca buku-buku rujukan di luar sukatan pelajaran. Namun apabila diuji kelompok guru-guru ini berkaitan kandungan ilmu Bahasa Melayu seperti aspek linguistik, rata-rata mereka tidak dapat menunjukkan penguasaan mereka terhadap konsep-konsep asas linguistik yang sewajarnya diketahui oleh mereka sebagai ilmu asas menguasai ilmu Bahasa Melayu. Melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden, dapatan menunjukkan keputusan yang agak mengecewakan kerana kebanyakan guru tidak dapat memberikan definisi bagi konsep-konsep linguistik yang diberikan. Antara konsep-konsep tersebut ialah

Jadual 2 Penguasaan Guru Terhadap Konsep Linguistik

| No. | Konsep Linguistik | Tidak tahu | Tahu |
|---------------------------|--|------------|------|
| | | X | / |
| Bilangan responden | | | |
| 1. | Saya mengetahui konsep-konsep tersebut | | |
| | a. fonem | 30 | 27 |
| | b. morfem | 20 | 37 |
| | c. morf | 20 | 37 |
| | d. alofon | 50 | 7 |
| | e. fonologi | 23 | 34 |
| | f. morfologi | 0 | 57 |
| | g. alomorf | 56 | 1 |
| | h. idiolek | 53 | 4 |
| | i. verba | 50 | 7 |
| | j. kreol | 56 | 1 |
| | k. pidgin | 56 | 1 |
| | l. koheren | 4 | 53 |
| | m. kohesi | 2 | 55 |
| | n. polisemi | 10 | 47 |
| | o. monosemi | 50 | 7 |
| | p. antonim | 4 | 53 |
| | q. grafem | 54 | 3 |
| | r. aglutinatif | 57 | 0 |
| | s. gatra | 57 | 0 |
| | t. kopula | 56 | 1 |
| | u. pragmatik | 20 | 37 |
| | v. uvular | 54 | 3 |
| | w. labial | 50 | 7 |
| x. glottis | 54 | 3 | |
| y. elipsis | 10 | 47 | |
| z. onomatopia | 56 | 1 | |

(Sumber Anida Sarudin et al., 2013)

Dapatan soal selidik berkaitan kecekapan dan pengetahuan guru berkaitan ilmu linguistik ternyata menurun. Kebanyakan guru Bahasa Melayu yang terlibat dalam kajian ini tidak begitu mendominasi

ilmu yang berkaitan bidang linguistik kerana berpendapat ilmu ini tidak perlu dipelajari oleh pelajar-pelajar pada tahap mereka. Dalam hal ini, ilmu bahasa Melayu yang dapat diperolehi pelajar hanyalah terbatas kepada ilmu-ilmu bahasa yang terkandung dalam sukatan pelajaran. Dalam konteks meningkatkan kualiti ilmu guru dan pelajar, sewajarnya ilmu-ilmu linguistik ini diterapkan memandangkan ilmu ini membantu pelajar-pelajar memahami Bahasa Melayu dengan lebih baik.

Menurut Abdullah Hassan dalam Seminar on the Teaching of English in Upper Secondary Schools and Tertiary Institutions in Malaysia, MACLALS di Universiti Malaya pada 23–25 September 1980, penggunaan linguistik dalam pengajaran selalunya dikenali sebagai *linguistik gunaan* dan ini termasuklah kajian *fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis, semantik*, dan kadang-kadang termasuk juga tajuk-tajuk lain seperti *psikolinguistik* dan *sosiolinguistik* yang masing-masing memberi tumpuan kepada teori pemerolehan dan keadaan bahasa. Tajuk-tajuk lain juga mungkin termasuk. Sudah banyak kajian dan perdebatan ditumpukan kepada implikasi pengajaran yang terkandung dalam ilmu linguistik. Ini terkandung, misalnya, dalam buku S.P. Corder (1973), D. A. Wilkins (1972), P. Strevens (1977), K. C. Diller (1971), dan banyak lagi hasil karangan sarjana lain. Dengan itu, tidaklah bijak kalau kita hanya memandang sepi terhadap segala perkembangan ini dan masih meragui kegunaan linguistik dalam pengajaran bahasa. Menurutnya lagi, tentulah tidak dapat kita sangkal asas teori bahawa sebarang pengetahuan tentang sesuatu mata pelajaran itu penting dalam pengajaran mata pelajaran tersebut. Deskripsi linguistik itu merupakan asas teori sesuatu bahasa. Deskripsi linguistik memberi *deskripsi bahasa: struktur dan fungsi* bahasa itu. Tentu sekali pengetahuan ini berguna dalam pengajaran bahasa (Abdullah Hassan, 1980).

Dalam konteks ini, terbukti bahawa wujud dapatan yang tidak berkolerasi dengan keputusan yang diperolehi dalam aspek persediaan guru Bahasa Melayu dalam meningkatkan ilmu pengajaran. Walaupun guru-guru Bahasa Melayu memberi sokongan yang komited dalam pengajaran yang dilihat berdasarkan dapatan yang baik dalam item kemampuan mengajar Bahasa Melayu dengan baik dan mempraktikkan ilmu dari kursus, bengkel dan seminar serta menambah ilmu pengetahuan dengan merujuk buku-buku rujukan di luar sukatan pelajaran, namun ternyata bahawa keputusan ini tidak memberikan keseimbangan yang relevan dengan ujian pengetahuan mereka berkaitan ilmu linguistik.

Oleh itu, jelaslah bahawa masih terdapat kelonggaran dalam amalan guru Bahasa Melayu dalam meningkatkan mutu pengajaran. Seharusnya, aspek persediaan dan pengetahuan guru harus seiring. Guru perlu jujur dalam menyedari kekurangan diri pengajaran meneruskan usaha meningkatkan mutu pengajaran. Seorang guru juga perlu mendalami ilmu ke tahap yang lebih tinggi dan sentiasa menerapkan ilmu ini tanpa mengambil kira ketidakperluan ilmu ini kepada pelajar atas dasar membimbing pelajar berfikiran luas seiring dengan hasrat kerajaan melahirkan pelajar yang berpotensi mencapai tahap minda kelas pertama.

Kesimpulan

Amalan guru dalam pengajaran seharusnya tidak hanya menfokuskan kepada persediaan guru dalam meningkatkan ilmu Bahasa Melayu sahaja, tetapi juga perlu peka terhadap kemampuan diri menguasai ilmu di luar batas pengajaran. Pengetahuan dan penguasaan yang mendalam terhadap ilmu bahasa Melayu ini dapat melengkapkan diri guru berkenaan untuk menjadi guru bahasa yang berkesan kerana keupayaannya mengajar struktur-struktur bahasa dengan betul dan dapat menghuraikan bahasa dengan tepat. Dengan pengetahuan itu juga, guru dapat mengenal pasti segala kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajarnya sama ada kesilapan sebutan, tatabahasa, ejaan, penggunaan perkataan dan lain-lain lagi seterusnya dapat memperbaiki kesilapan-kesilapan tersebut. Tentang betapa pentingnya linguistik kepada pengajaran bahasa dapat kita lihat daripada kenyataan Lado (1974) *'The relevance of linguistic information and training for the language teacher should be self-evident from the fact that linguistics provides the description of the sounds, words and sentences he must teach and helps him to understand the linguistics problems of his students'*. Apa yang amat diharapkan sebagai hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran, bukan hanya setakat pelajar-pelajar dapat mempelajari bahan pelajaran dengan baik, mempunyai kecekapan dari segi ilmu bahasa Melayu tetapi juga seharusnya mempunyai kecekapan menggunakan bahasa yang diajarkan itu mengikut konteks dan norma-norma yang ditentukan oleh sosiobudaya masyarakat bahasa yang berkenaan. Pengajaran tidak bererti, kalau hasilnya cuma membolehkan pelajar-pelajar menguasai salah satu daripada kecekapan yang disebutkan itu. Oleh yang demikian, panduan atau adunan beberapa disiplin yang berkaitan dengan bidang pengajaran bahasa mestilah dibuat secara kemas dan sistematik sebelum diterapkan dalam pengajaran di bilik darjah oleh guru Bahasa Melayu.

Rujukan

- Anida Sarudin & Mohd Rahid (2013). *Anjakan Paradigma Guru Bahasa Melayu Ke Arah Membina Berintelek*. dlm Penyelidikan Bahasa: Tg Malim UPSI.
- Abdullah Hassan (1980). *Linguistik untuk Guru Bahasa*. Diperolehi dari www.koleksi.kertaskerja1.blogspot.com (5 Ogos 2013)
- A. Rahman Haron, Zambri Mohamad, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd. Rohimi Nik Yusoff, Sharifah Nor Puteh & Jamaludin Badusah (2012). “Teknik SALAK dalam Menjana Idea Membina ayat dengan Cepat dan Efektif” *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 2 (2), 84-93.
- Allen, J. P. & Corder, S. P (1974). *Technique in Applied Linguistics*. London: Oxford University Press.
- Azizah Abd. Rahman (1987). *Curriculum innovation in Malaysia: The case of KBSR*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Institute of Education: University of London.
- Azizi Yahya, Jamaludin Ramli & Abdul Latif Ahmad (2007). “Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan”. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Caroll, J. B (1963). *A Model Of School Learning*. Teachers College Records. 64, 723–733.
- Corder, S. P (1973). *Introducing Applied Linguistics*. Harmondsworth: Penguin Books Ltd.
- D.A. Wilkins (1972). *Linguistics in Language Teaching*. London : Edward Arnold.
- Jeyagobi a/l Dhamodarem (2008). Persepsi dan sikap guru bahasa Melayu terhadap kemahiran menulis di sekolah rendah kawasan Pensiangan-Salinatan daerah Nabawan, Sabah: Satu analisis. Diperoleh daripada <http://www.ipislam.edu.my/uploaded/pdf> [28 April 2013]
- K.C Diller (1971). *Generative Grammar, Structural Linguistics and Language Teachin*. Rowley Mass: Newbury House.
- Lado, R (1974). *Language Teaching: A Scientific Approach*. Mc Graw-Hill Publishing Co. Ltd.
- Lim Kiat Boey (1975). *An Introduction to Linguistics for the Language Teacher*. Singapore: Singapore University Press.
- Mohd Yusof, A. (et. al) (2008). *Pengetahuan Pedagogi Guru*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Nik Safiah Karim (1985). *Strukturalisme: Satu Tinjauan Multidisiplin*. Kertas Kerja Seminar Ijazah Tinggi. Kuala Lumpur : Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Ramli Bin Mohamed (1999). *Permasalahan, Sikap dan Keyakinan Guru dalam Pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Rendah di Daerah Kuala Terengganu*. Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Putra Malaysia.

- Robins, R. H. (1967). *A Short History Of Linguistics*. Bloomington and London: Indiana University Press.
- Seman Salleh (2005). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Kajian Kes di Sebuah Sekolah Rendah di Daerah Jerantut, Pahang. *Jurnal IPBA* 3(2), 27–44.
- Shahril Charil Hj Marzuki (2004). Amalan Pengajaran yang Berkesan: Kajian di Beberapa Sekolah Menengah di Wilayah Persekutuan dan Selangor. *Jurnal Pendidikan*, 24, 29–40.
- Siti Zabidah Bt Mohamed. (2006). *Kesan Pendekatan Penyebatian Kemahiran Berfikir Kreatif dalam Pengajaran Karangan Deskriptif dan Karangan Imajinatif Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan IV*. Diperoleh daripada <http://eprints.usm.my/pdf> [28 April 2013].
- Slavin, R. (1994). *A Theory Of School And Classroom Organization*. Dalam R. Slavin, (Ed.), *School and Classroom Organization*. Hillsdale. NJ: Erlbaun.
- Stevens, P. (1977). *New orientations in the teaching of English*. Oxford: Oxford University Press.
- Sufean Hussein. (1996). *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tay Meng Guat (2003). Satu Tinjauan Terhadap Sikap dan Masalah Guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Diperoleh pada April 28, 2013 daripada [http://www.ipbl.edu.my/bm/penyelidikan/jurnalpapers/ pdf](http://www.ipbl.edu.my/bm/penyelidikan/jurnalpapers/pdf) [20 Mei 2013].
- Yusfaiza Yusuff & Mohd. Isha Awang (2012). Aplikasi Pembelajaran Jigsaw II dalam Pengajaran Penulisan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 2(2), 62–70.
- Zamri Mahamod (2009). Perbandingan Gaya Pengajaran Guru Bahasa Melayu dan Guru Bahasa Inggeris. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 34(1), 67–92.
- Zulkeflee Yaacob (2011). Teori Linguistik dan Pendekatan Tatabahasa dalam Mengajar Ayat Dasar Bahasa Melayu. Dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajaran Bahasa Melayu Keempat. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zuraini Jusoh (2013). Pencapaian Bahasa Melayu Yang Rendah Dalam Kalangan Calon Penilaian Menengah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 3(1), 1–11.